


# SEJARAH PERKEMBANGAN PILIHANRAYA ERA PRA-MERDEKA, 1955



**RAMLAH ADAM**

MONOGRAF PILIHANRAYA 1



## Kandungan

Ucapan YAB Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia	V
Seulas Pinang Datuk Seri Mohd Ali Bin Mohd Rustam Ketua Menteri Melaka	VI
Kata-Kata Alu-Aluan Kamarudin Bin Md. Shah Pengurus Besar IKSEP	VII
Sejarah Perkembangan Pilihanraya Era Pra-Merdeka	1-44
Nota Akhir	45

## SEJARAH PERKEMBANGAN PILIHANRAYA ERA PRA-MERDEKA

Pilihanraya merupakan salah satu asas berkerajaan sendiri dan mengisi kemerdekaan sesebuah negara. Ia adalah satu proses dan satu sistem yang membolehkan rakyat negara bangsa tersebut memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk kerajaan. Pilihanraya merupakan salah satu asas utama dalam pengamalan sistem demokrasi bagi negara-negara yang telah merdeka.

Bagi Persekutuan Tanah Melayu, peruntukan untuk mengadakan pilihanraya telah termaktub dalam Perjanjian Persekutuan 1948 yang menjanjikan pilihanraya kepada Tanah Melayu pada satu masa yang sesuai.<sup>1</sup> Ternyata ia bukan dimulakan dan didesak semata-mata oleh National Convention Perikatan UMNO-MCA.<sup>2</sup> Ia adalah kesedaran semua pihak orang Melayu yang telah terlibat dalam gerakan nasionalisme, politik dan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.<sup>3</sup>

Pilihanraya awal yang diadakan ialah di peringkat perbandaran. Ini dilakukan setelah Akta Majlis Berkuasa Tempatan diluluskan pada akhir 1950. Pilihanraya Bandaran 1951 yang diadakan pertama kalinya di Pulau Pinang adalah tindakan politik yang awal oleh British untuk menyerahkan kerajaan sendiri kepada Tanah Melayu secara beransur-ansur. Pilihanraya bandaran ini semata-mata untuk memberi pengalaman politik kepada penduduk Tanah Melayu sebelum pilihanraya negeri dan persekutuan yang akan diadakan bagi memilih kerajaan sendiri.

Pilihanraya bandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada Februari 1952 pula bukan sahaja memberi pengalaman pilihanraya kepada para penduduknya tetapi turut memberi makna yang lebih daripada itu. Pilihanraya ini telah menyaksikan kelahiran satu kerjasama politik di antara parti-parti perkauman bagi melahirkan kejayaan dalam pilihanraya. Independence of Malayan Party (IMP) yang memulakan kerjasama dengan MCA dan MIC, telah mendapat tandingan daripada UMNO-MCA. Dengan kejayaan kerjasama yang dibuat di antara UMNO-MCA dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur itu, terbukalah satu alternatif baru kepada permasalahan politik Tanah Melayu itu.

muka



Dato' Onn Jaafar  
*Gambar Ihsan Arkib Negara*

Namun kerjasama ini bukanlah dilakukan dengan satu perancangan yang jelas dari pucuk pimpinan UMNO-MCA. Ia sebenarnya berlaku di antara dua orang pemimpin kecil UMNO-MCA Kuala Lumpur iaitu Dato' Razak Yahya dengan H.S. Lee yang kecewa dengan layanan Dato' Onn kepadanya dalam IMP (Dato' Onn hanya berkerjasama dengan Tan Cheng Lock sebagai presiden pada hari penubuhan IMP), telah mengeneipkan kerjasama MCA dengan IMP yang masih lagi berjalan dengan baik. H.S. Lee telah berjaya meletakkan 6 calon setelah memberi UMNO sebanyak \$500,000 untuk belanja pilihanraya. UMNO bersetuju meletakkan 5 calon sahaja, walaupun pada awalnya telah mendapat calon bagi 6 kerusi. Gabungan itu telah mendapat 9 kerusi daripada 12 kerusi dipertandingkan.

Kegagalan IMP dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur itu menjadi satu ujian getir kepada idea kerjasama politik dalam sebuah parti Dato' Onn. MCA kini telah mempunyai pilihan sama ada untuk bekerjasama dengan UMNO secara lebih meluas atau dengan terus kekal dengan IMP. Sikap berbelah bagi MCA ini membingungkan Dato' Onn. Beliau juga melihat sikap tidak ikhlas Tan Cheng Lock memajukan IMP cawangan Melaka. Dato' Onn juga melihat sikap ahli-ahli IMP Cina yang menuntut beliau melepaskan kerakyatan jus soli terbuka dalam 'State Nationality 1951', menggugurkan rang undang-undang 'The Business Act dan Immigration Act 1951/1952'. Dato' Onn hilang sabar dan melepaskan kritikan terbukanya kepada Tan Cheng Lock dan MCA pada awal tahun 1953. Ini menyebabkan pemimpin-pemimpin MCA menyisihkan diri daripada Dato' Onn dan IMP pada pertengahan tahun 1953. Ini diikuti pula oleh MIC pada akhir tahun 1953 kerana keengganan Dato' Onn untuk mempercepatkan tarikh kemerdekaan.<sup>5</sup>

British pula cuba mewujudkan satu parti gabungan bagi berbagai bangsa di Tanah Melayu. Dengan cara itu, kepentingan bangsa masing-masing dapat dijaga oleh parti mereka dan kepentingan bersama akan dirundingkan di peringkat gabungan. Dengan itu, National Conference (N Conf.) telah ditubuhkan oleh British pada tahun 1953 sebagai satu alternatif baru kepada politik Tanah Melayu. Kesemua parti politik sama ada kecil mahupun besar telah dijemput oleh Malcom MacDonald, Gabenor General Asia Tenggara ke King's House, Kuala Lumpur. Ini termasuklah UMNO, MCA, MIC, IMP, MTUC (Malayan Trade Union Cooperation). Bagaimanapun Tengku Abdul Rahman meninggalkan persidangan itu ker-